

Kanak-Kanak Memerlukan Microb, Bukan Antibiotik

Kanak-Kanak Memerlukan Microb, Bukan Antibiotik

Oleh [Neux](#) pada [17 Jun 2017](#) kategori [kesihatan](#)



Sebagai ibu bapa, adalah penting untuk memastikan persekitaran anak-anak kita terutamanya bagi anak yang masih kecil agar sentiasa bersih. Namun begitu, tahukah anda bahawa persekitaran yang **'terlampau bersih'** sebenarnya tidak elok untuk sistem imunisasi kanak-kanak?

Benar.

Ibu bapa di barat terutamanya, gemar menggunakan sabun antibakteria, hand sanitizer dan seangkatan dengannya untuk yang bukan sahaja membunuh bakteria tetapi juga microb yang penting untuk membentuk sistem imunisasi kanak-kanak.



Tanpa microb ini kanak-kanak tidak berpuas hati meningkatkan sistem imunisasi badan mereka, seterusnya mendedahkan mereka kepada penyakit-penyakit kronik seperti asma. Perkara ini diakui oleh Marie-Claire Arrieta, seorang pakar mikrobiologis dan salah seorang penulis buku *Let Them Eat Dirt: Saving Our Children from an Oversanitized World*.

Kajian di lab selama beberapa tahun juga menunjukkan bahawa microb sangat diperlukan pada peringkat awal pertumbuhan manusia (iaitu pada zaman kanak-kanak) untuk membentuk sistem imunisasi yang kuat. Pada peringkat awal kehidupan, badan kita tidak mempunyai sistem imunisasi yang kuat. Microb yang ada pada tubuh badan kita akan menghasilkan sejenis molekul yang

akan berinteraksi dengan *immune cell* yang ada pada badan, seterusnya 'melatih' sel tersebut untuk menangkis ancaman daripada sel yang dihasilkan oleh microb tersebut.

Fakta ini disokong juga oleh bukti epidemiologikal mengapa kanak-kanak yang tinggal di ladang atau kawasan luar bandar kurang mendapat penyakit kronik seperti asma berbanding kanak-kanak yang tinggal di bandar. Ini berbeza dengan kehidupan kanak-kanak di bandar.



Kajian yang dilakukan juga mendapati peningkatan jumlah penghidap penyakit kronik seperti asma, obesiti dan alergic adalah selari dengan gaya hidup manusia kini yang 'terlalu' mementingkan kebersihan sehingga menghalang pendedahan anak-anak kepada microb yang penting untuk membina imunisasi badan mereka pada peringkat awal.

Jadi bagi ibu bapa, sekiranya anak-anak anda gemar bermain di luar, biarkan! Selain penting untuk melatih sensori dan motor pergerakan anak-anak, ianya juga penting untuk meningkatkan sistem imunisasi mereka.

Kredit: [The Star](#)